



SIARAN MEDIA

10th SIMPOMIN 2022: NR-REE (NON-RADIOACTIVE RARE EARTH ELEMENT)

Program simposium mineral, 10th SIMPOMIN 2022: NR-REE (*Non-Radioactive Rare Earth Element*) yang dianjurkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah berlangsung dengan jayanya di Hotel Everly, Putrajaya pada 11 Ogos 2022.

Simposium ini diadakan sebagai inisiatif untuk menyediakan platform yang signifikan bagi perkongsian maklumat dan pengalaman di kalangan penggubal dasar, penyelidik, pemain industri, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memanfaatkan peningkatan permintaan terhadap unsur nadir bumi (REE) di seluruh dunia.

Simposium yang bertemakan, “**NR-REE: Future Treasure, Now or Never**” adalah selaras dengan hala tuju Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) iaitu kesediaan negara untuk membangunkan industri mineral secara menyeluruh dan dapat memberi sumbangan signifikan pada ekonomi negara.

Seramai 230 orang peserta hadir di simposium ini yang terdiri daripada sektor awam, swasta, pemain industri, ahli akademik, penyelidik dan NGO. Simposium ini turut dipaparkan melalui *Facebook Live* di laman *Facebook* JMG yang membolehkan lebih ramai penyertaan luar dan juga membuka ruang kepada pelajar-pelajar untuk turut serta.

Program simposium ini telah menghimpunkan panel-panel pakar yang memiliki pengalaman luas dalam industri mineral yang telah membincangkan isu-isu utama antaranya mengenai perundangan berkaitan aktiviti perlombongan NR-REE, kajian pengenalpastian kawasan berpotensi NR-REE, kajian pengekstrakan NR-REE daripada sumber lempung jerapan ion (*ion-adsorption clay*) serta turut menyentuh isu impak alam sekitar dan langkah pencegahan bagi aktiviti perlombongan NR-REE.

Peningkatan permintaan sumber NR-REE turut disentuh dalam ucapan selaras dengan perkembangan pesat teknologi. Malaysia sebagai salah satu negara yang memiliki anggaran sumber NR-REE yang besar perlu mengambil peluang dengan membangunkan industri ini dalam keseluruhan rantai nilai dari peringkat hulu hingga hiliran.

Usaha ini akan diteruskan melalui pewujudan ekosistem industri NR-REE yang lengkap dengan tumpuan bukan hanya kepada pengeksporan mineral secara mentah semata-mata, tetapi turut menumpukan kepada pengeksporan produk separa siap (*semi-finished products*) di peringkat pertengahan atau produk akhir (*finished products*) berasaskan mineral di peringkat hiliran.

Pihak Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) di bawah seliaan JMG iaitu selaku badan yang bertanggungjawab dalam membangunkan bidang Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) akan terus memainkan peranan dalam menghasilkan produk-produk berasaskan mineral bernilai tinggi yang mampu untuk dipasarkan ke peringkat global.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
11 OGOS 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia

